

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KHAS**

Bil. 2

Jumaat

3 November 2017

K A N D U N G A N

LANTIKAN SEMULA SEORANG AHLI:

Mengangkat Sumpah Sebagai Ahli Dewan Negara (Halaman 1)

USUL:

Pemilihan Timbalan Yang di-Pertua (Halaman 1)

TIMBALAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAH

(Halaman 2)

PEMSYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Pelantikan Semula dan Pemilihan Semula
Sebagai Ahli Dewan Negara dan
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara (Halaman 3)

UCAPAN TAKZIAH:

Atas Kemangkatan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia
Almu'tasimu Billah Muhibbudin Tuanku Al-Haj
Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Alhamrhum Sultan Badlishah
Sultan Negeri kedah, Darul Aman (Halaman 4)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KHAS**

Jumaat, 3 November 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

LANTIKAN SEMULA SEORANG AHLI

MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

1. Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

USUL

PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Perkara 56(1) Perlembagaan Persekutuan, dan peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(2), Majlis Mesyuarat Dewan Negara akan menjalankan urusan memilih Timbalan Tuan Yang di-Pertua.

Saya telah menerima hanya satu cadangan nama orang yang hendak dipilih sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sekarang, dengan segala hormatnya saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri mengemukakan Cadangan Usul Memilih Timbalan Yang di-Pertua.

10.09 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mencadangkan bahawa Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, dan mengikut Peraturan Mesyuarat 5(2), Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab seorang sahaja yang dicadangkan dan disokong menjadi Timbalan Yang di-Pertua maka menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(2), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara... *[Tepuk]*

[Timbalan Yang di-Pertua dipakaikan jubah oleh Setiausaha Dewan Negara]

[Timbalan Yang di-Pertua diiringi ke rostrum untuk mengangkat Sumpah]

TIMBALAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAH

[Timbalan Yang di-Pertua Mengangkat Sumpah]

[Timbalan Yang di-Pertua menurunkan tandatangan pada Buku Sumpah]

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

**MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEMULA DAN PEMILIHAN SEMULA
SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA
DAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengalu-alukan pelantikan semula Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad sebagai Ahli Dewan Negara dan mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah di atas pemilihan semula beliau sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Seperti mana lafaz sumpah dan ikrar setia yang telah dilafazkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, ingin saya mengingatkan agar kita semua berazam untuk memahami dan menghayati mendukung dan mempertahankan Perlembagaan. Saya mengucapkan juga setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli Yang Berhormat selaku Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara di atas lantikan beliau. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan pelantikan Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Negara untuk tempoh sepenggal lagi berkuat kuasa mulai hari ini.

Pelantikan semula ini merupakan satu pengiktirafan terhadap khidmat bakti dan sumbangan Yang Berhormat sepanjang tempoh tiga tahun lepas sebagai Ahli Dewan-diperingatkan legislatif yang tertinggi di negara kita dan juga sebagai Timbalan Yang di-Pertua di peringkat yang sama sejak 18 April 2016. Saya yakin Yang Berhormat Datuk Seri akan terus berusaha untuk memantapkan lagi perdebatan di Dewan yang mulia ini.

Saya juga yakin Yang Berhormat akan menentukan Dewan secara keseluruhannya, mematuhi peraturan mesyuarat serta prinsip-prinsip universal dalam Rukun Negara yang menekankan keperibadian mulia, yang menjiwai dan memberi makna konsep demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Suka saya mengingatkan, dari ucapan-ucapan saya yang terdahulu bahawa demokrasi merupakan konsep yang indah yang perlu dibina atas landasan keperibadian yang beradab dan bersopan disertai dengan pemikiran yang terbuka serta rasional. Sifat mulia yang luhur adalah penting bagi ditonjolkan sebagai contoh tauladan yang terpuji bukan sahaja dalam ruang Dewan ini tetapi jauh lebih penting lagi dalam kalangan khalayak ramai terutamanya generasi muda. Yang Berhormat Datuk Seri terkenal dengan cara dan gayanya yang tersendiri dalam menyampaikan sesuatu amanat ataupun maksud. Yang Berhormat sentiasa menggunakan pantun untuk menyampaikan amanat yang berisi dengan nilai-nilai yang tinggi dan luhur... [*Tepuk*]

Dengan itu saya percaya bahawa imej Parlimen terus terpelihara sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di persada antarabangsa.

Akhir sekali, saya mendoakan agar Ahli Yang Berhormat keseluruhannya akan mendukung visi rakyat secara gigih ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan, sejajar dengan impian dan wawasan pengasas-pengasas negara ini.

Dengan kata-kata ini maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini.

UCAPAN TAKZIAH

ATAS KEMANGKATAN KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH SULTAN NEGERI KEDAH, DARUL AMAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, dan bagi pihak Dewan yang mulia ini mengambil kesempatan untuk merakamkan perasaan yang amat dukacita dan sedih atas kemangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah pada Isnin 11 September 2017 bersamaan 20 Zulhijah, 1438 Hijrah.

Almarhum Baginda mencipta sejarah dalam jiwa rakyat sebagai Sultan yang sungguh prihatin terhadap kebajikan rakyat.

Almarhum Baginda juga menduduki tempat yang istimewa dalam sejarah pemerintahan beraja di negara ini sebagai Sultan yang pernah ditabalkan semula bagi dua penggal iaitu sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Kelima, dan Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-14. Ucapan ini hendaklah disimpan dalam Arkib Parlimen, dan satu salinannya dihantar kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Kedah Darul Aman.

Sekarang sebagai tanda penghormatan, saya bagi pihak Parlimen Malaysia dan Dewan Negara khususnya, menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun selama satu minit bagi memberi penghormatan dan doa kepada Almarhum Baginda mengikut kepercayaan masing-masing.

[Ahli-ahli Yang Berhormat bangun, bertafakur selamat 1 minit]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang ditetapkan.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.23 pagi]